

PM bincang isu Palestin, Nyanmar

Dalam mesyuarat dua hala bersama Setiausaha Agung PBB di Jakarta

JAKARTA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membincangkan isu Palestin dan Myanmar serta kerjasama ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semasa mesyuarat dua hala beliau dengan Setiausaha Agung badan antarabangsa itu, Antonio Guterres di sini pada Khamis.

Pada mesyuarat di luar Sidang Kemuncak ASEAN ke-43 itu, Anwar mengulangi komitmen Malaysia untuk menjalin kerjasama erat dengan PBB dan ASEAN terutama dalam usaha mencari penyelesaian yang aman bagi situasi politik di Myanmar.

Sementara itu, pemimpin

ASEAN dalam Kenyataan Pengerusi mengulangi pendirian mereka terhadap Konsensus Lima Perkara (5PC) adalah kekal sebagai rujukan utama bagi menangani krisis politik di Myanmar.

Anwar dan rakan pemimpin ASEAN turut mengutuk sekeras-kerasnya peningkatan keganasan yang mengakibatkan penderitaan berpanjangan rakyat Myanmar, krisis kemanusiaan dan kemusnahan kediaman serta kemudahan awam selain kesan advers terhadap kestabilan serantau terutama di sepanjang sempadan wilayah itu.

"Kami amat bimbang dengan ketiadaan progres yang ketara dalam pelaksanaan 5PC oleh pihak berkuasa Myanmar meskipun mereka telah memberikan komitmen berhubung perkara itu pada April 2021," menurut mereka dalam kenyataan itu.

Menyentuh isu Palestin, Anwar dan pemimpin ASEAN menzahirkan kebimbangan terhadap perkembangan di Timur Tengah serta mengulangi ke-



FOTO: gERNAMA

Anwar bersama Modi (kiri) dan Naib Presiden Amerika Syarikat, Kamala Harris hadir pada Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-13 di Jakarta pada Khamis.

perluan bagi penyelesaian yang komprehensif, adil dan mampan dalam konflik Israel-Palestin ke arah mencapai keamanan serta kestabilan di rantau itu.

"Kami menyokong penuh hak rakyat Palestin untuk mendapatkan sebuah negara yang merdeka dengan "merealisasikan

kewujudan dua negara iaitu Palestin dan Israel, hidup berdampingan dalam suasana aman serta selamat berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibukotanya," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, pada Sidang Kemuncak ASEAN-India ke-20,

Anwar mencadangkan kejayaan luar biasa India dalam penembusan digital dikongsi untuk memberi manfaat kepada semua negara anggota ASEAN utamanya dalam perbankan digital dan kewangan serta di kawasan luar bandar.

"Saya berpendapat isu ini perlu diterokaoleh India dan boleh menyumbang secara besar-besaran kepada kejayaan kita bersama," katanya pada sidang tersebut yang diketuai oleh Presiden Indonesia, Joko Widodo dan dihadiri Perdana Menteri India, Narendra Modi.

Semasa pertemuan itu, Anwar turut menekankan peranan penting India sebagai sekutu strategik serta mengucapkan tahniah atas kejayaan mendaratnya pesawat angkasa India, Chandrayaan-3, di kutub selatan bulan.

Chandrayaan-3 berjaya mendarat di permukaan bulan pada 23 Ogos, menjadikan India negara keempat berjaya mendarat di bulan dan yang pertama mendarat di kawasan kutub selatan.